

Lawatan Chirac bincang isu dua hala

BH 22/7/03

KUALA LUMPUR: Lawatan kerja Presiden Perancis, Jacques Chirac ke Malaysia hari ini, dianggap penting kerana ia memberi ruang kepada beliau untuk membincangkan isu dua hala dan antara-bangsa secara panjang lebar dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hubungan Malaysia-Perancis yang sentiasa rapat diperkukuhkan lagi dengan hubungan persahabatan yang erat antara Dr Mahathir dan Chirac, baik di peringkat rasmi mahupun di peringkat peribadi, kata Wisma Putra dalam kenyataan di sini, semalam.

Chirac juga akan mengadakan perbincangan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau akan diiringi Menteri Jabatan Luar Negara dan Wilayah Perancis, Brigitte Girardin dan sembilan pegawai kanan. Lawatan beliau adalah atas jemputan Dr Mahathir.